

Perlu bijak urus REE, imbangi kuasa besar dalam 'perang ekonomi terbuka'

● Kita tidak boleh terjerat dalam permainan kuasa besar, sebaliknya perlu mengamalkan pendekatan strategik, mengekalkan hubungan baik dengan kedua-dua kuasa besar

● Pengurusan tidak berhati-hati boleh menjadikan kita 'koloni bahan mentah baharu', jika eksploitasi dilakukan tanpa teknologi selamat dan kawalan telus



Oleh Prof Madya Dr Bakri Mat
bhrencia@bh.com.my

Felo Penyelidik
Institut Asia bagi
Hal Ehwal dan
Diplomasi
Antarabangsa,
Pusat Pengajian
Antarabangsa, Kolej
Undang-Undang,
Kerajaan dan
Pengajian
Antarabangsa,
Universiti Utara
Malaysia (UUM)

Dunia sekali lagi menyaksikan satu kejutan diplomatik yang mengguncang sistem ekonomi global. Amerika Syarikat (AS) di bawah pentadbiran Donald Trump mengumumkan pengenaan tarif tambahan 100 peratus terhadap semua barangan import dari China, menjadikan kadar keseluruhan tarif mencecah 130 peratus, sekali gus boleh dianggap deklarasi 'perang ekonomi terbuka'.

Langkah luar biasa ini tercetus selepas China memperketat lesen eksport unsur nadir bumi dan memperluas kawalan ke atas 12 daripada 17 logam nadir bumi utama, termasuk disprosium, erbium dan neodymium, iaitu bahan asas kepada hampir semua teknologi moden hari ini.

China memperluas sekatan bukan hanya terhadap barangan fizikal, bahkan mengenakan kawalan terhadap kepakaran teknologi dan produk asing menggunakan input dari China.

Tindakan China dan langkah susulan AS menyebabkan berlaku kejutan besar. Dalam masa sehari selepas pengumuman tarif AS, pasaran saham negara itu kehilangan nilai sebanyak AS\$1.5 trilion (RM6.3 trilion), melebihi kerugian harian tertinggi ketika krisis COVID-19 pada 2020.

Indeks teknologi NASDAQ menjunam 3.6 peratus, manakala saham Tesla dan gergasi semikonduktor seperti Nvidia serta AMD masing-masing jatuh antara 4 hingga 6 peratus. Masyarakat dunia tersentak oleh perang tarif yang menggempakan asas industri global.

Dominasi China dalam industri nadir bumi bukan berlaku secara kebetulan. Ia adalah hasil strategi jangka panjang selama lebih setengah abad, disokong campuran kecekapan teknokrat dan kerajaan.

Pada masa kini, China menguasai 69 peratus pengeluaran bijih nadir bumi mentah dunia, lebih 90 peratus kapasiti pemrosesan global dan hampir 100 peratus penapisan unsur nadir berat yang digunakan dalam industri pertahanan dan tenaga hijau.

Lebih membimbangkan, hampir semua produk berteknologi tinggi dunia, termasuk cip, magnet motor elektrik dan panel tenaga solar mengandungi sekurang-kurangnya 0.1 peratus bahan berpunca dari China.

Ini bermakna, melalui kawalan lesen eksport baharu, Beijing kini menjadi 'penjaga pintu' kepada hampir keseluruhan ekosistem teknologi global.

AS yang pernah menjadi pengeluar utama melalui lombong Mountain Pass di California, kini hanya mampu memproses sekitar 15 peratus bahan mentah dieksport semula ke China untuk dimurnikan.

Ini menjadikan AS dan sebahagian besar dunia, sangat bergantung kepada rantaian bekalan dikuasai Beijing. Ketergantungan ini digunakan China sebagai senjata strategik.

Perubahan struktur kekuasaan dunia

Krisis ini menandakan perubahan struktur kekuasaan dunia. Kita kini berada dalam era perang geoekonomi dengan sumber asli dan teknologi menjadi senjata strategik menggantikan peluru dan misil.

Tindakan China memperketat eksport REE, diikuti ancaman sekatan terhadap lithium-ion dan grafit menjelang November 2025 menunjukkan Beijing bukan sekadar mempertahankan pasaran, tetapi sedang membentuk peraturan baharu dalam ekonomi global.

Sebagai tindak balas, Washington melaksanakan kadar cukai baharu dan kawalan eksport teknologi termaju ke atas China. Kesan langsung ialah peningkatan harga global bagi bahan mentah strategik, gangguan rantaian bekalan dan kejatuhan pelaburan asing dalam sektor teknologi.

Negara membangun seperti Malaysia yang

ekonominya sangat terbuka, kini perlu bersiap siaga menghadapi tempas geopolitik ini secara langsung.

Bagi Malaysia, krisis ini adalah cerminan mengenai betapa penting dasar luar yang realistik dan berpaksikan kepentingan nasional. Kita tidak boleh terjerat dalam permainan kuasa besar, sebaliknya perlu mengamalkan pendekatan strategik, mengekalkan hubungan baik dengan kedua-dua kuasa besar sambil membina kapasiti sendiri untuk berdikari.

Malaysia memiliki sumber REE dianggarkan bernilai tinggi di beberapa negeri termasuk Perak, Kedah dan Johor. Namun, pengurusan tidak berhati-hati boleh menjadikan kita 'koloni bahan mentah baharu', jika eksploitasi dilakukan tanpa teknologi selamat dan kawalan telus.

Justeru, REE bukan sekadar peluag ekonomi, tetapi ujian integriti nasional dalam memastikan sumber negara dimanfaatkan dengan bijaksana dan tidak menjerumuskan Malaysia ke dalam perang ketegangan geopolitik global.

Langkah pertama paling kritikal adalah membangunkan ekosistem nasional 'mine-to-magnet' berasaskan teknologi pemrosesan bersih. Bagi tujuan itu, pelaburan serius dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan pengurusan sisa toksik serta kewujudan rangka kerja undang-undang alam sekitar yang ketat.

Ia amat diperlukan untuk membolehkan negara bukan sahaja mengeksport bijih mentah, tetapi menghasilkan produk bernilai tinggi seperti magnet motor elektrik dan bahan semikonduktor dengan selamat.

Kedua, Malaysia mesti memperkukuh diplomasi ekonomi dan dasar luar serantau dengan memimpin ASEAN ke arah pembentukan Kerangka Tadbir Urus Bahan Kritikal Serantau untuk menempatkan Malaysia sebagai antara suara penentu dalam rundingan ekonomi Indo-Pasifik.

Akhir sekali, Malaysia perlu melabur dalam teknologi alternatif dan kitar semula REE. Negara seperti Jepun dan Jerman sudah mula membangunkan magnet bebas nadir bumi yang menggunakan unsur besi dan nitrogen. Malaysia harus mengikuti jejak ini dengan menjalin kerjasama teknikal bersama negara maju melalui pelaburan bersama dan pemindahan teknologi untuk mengurangkan kebergantungan dan membina kedaulatan industri strategik sendiri untuk jangka panjang.

Krisis REE bukan sekadar perebutan bahan mentah, tetapi perebutan masa depan perindustrian dan teknologi global. Negara yang mengawal sumber strategik ini akan menentukan siapa menguasai ekonomi abad ke-21.

Justeru, Malaysia tidak boleh terus berperanan sebagai pemerhati. Kita mesti bertindak dengan keberanian dasar dan pandangan jauh dengan membina industri nadir bumi yang telus, berinovasi dan lestari.

Jika langkah ini diambil sekarang, Malaysia bukan sahaja akan melindungi kepentingan nasional, tetapi berpotensi muncul sebagai hab neutral dihormati di Asia Tenggara, mengimbangi kuasa besar melalui kekuatan sumber dan kebijaksanaan diplomasi.



Tapak Projek Perintis Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE) di Mukim Kenering, Perak.